

## Apa itu Kuarantin Tumbuhan?

Selain buah-buahan yang lazat dan tumbuhan rumah indah sebagai cenderahati, produk makanan yang diproses, barangan yang melekat tanah dll. Sekiranya anda membawa tumbuhan yang tidak memenuhi syarat-syarat negara destinasi, ia mungkin boleh merosakkan pertanian negara tersebut dengan teruk.



Kuarantin Tumbuhan mencegah kemasukan dan penyebaran serangga perosak. Kerjasama setiap orang diperlukan bagi melindungi pertanian dan alam semula jadi.

## Mula-mula, berundinglah dengan panggilan telefon

Bergantung pada syarat-syarat destinasi, ia mungkin mengambil masa yang lama untuk pembasmian kuman dan pemeriksaan semasa tempoh penanaman. Kami mengesyorkan anda membuat pengesahan terlebih dahulu di Kaunter Kuarantin Eksport atau di Stesen Perlindungan Tumbuhan berhampiran anda.

### Kaunter Kuarantin Eksport

Lapangan Terbang Shin-Chitose ————— 0123-24-6154  
Lapangan Terbang Antarabangsa Narita ————— 0476-32-6694 (Terminal Penumpang 1)  
————— 0476-34-2352 (Terminal Penumpang 2)  
Lapangan Terbang Haneda ————— 03-5757-9790  
Lapangan Terbang Antarabangsa Chubu Centrair — 0569-38-8433  
Lapangan Terbang Antarabangsa Kansai ————— 072-455-1936  
Lapangan Terbang Fukuoka ————— 092-477-7575

### Tempat pertanyaan – Stesen Perlindungan Tumbuhan

Stesen Perlindungan Tumbuhan Yokohama ——— 045-211-7155  
Stesen Perlindungan Tumbuhan Nagoya ——— 052-651-0114  
Stesen Perlindungan Tumbuhan Kobe ——— 078-331-2384  
Stesen Perlindungan Tumbuhan Moji ——— 093-280-4319  
Stesen Perlindungan Tumbuhan Naha ——— 098-868-1679

### Mengenai tumbuhan yang terancam

Perdagangan antarabangsa tumbuh-tumbuhan yang terancam seperti orkid, kaktus dan cycad dikawal oleh Perjanjian Washington. Pejabat Pemeriksaan Perdagangan Haiwan dan Tumbuhan Liar, Jabatan Kawalan Perdagangan, Biro Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan,

Kementerian Perdagangan dan Industri Jepun  
TEL: 03-3501-1723 FAX: 03-3501-0997



### Jenis Pendaftaran benih, tunas, cabang...

Anda mungkin tidak dapat membawanya keluar negara tanpa lesen eksport pemegang hak.


Bahagian Harta Intelek, Biro Eksport & Antarabangsa, Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan TEL: 03-3502-8111



**Ambil perhatian!**

**Mulai 1 April 2023, bukan sahaja tumbuhan, "barangan" juga boleh dikenakan penalti.**

**Di bawah Akta Perlindungan Tumbuhan, penalti boleh dikenakan jika membawa keluar, secara tidak sah, tumbuhan atau barangan yang eksportnya dihadkan oleh negara destinasi.**



## Pelaksanaan penalti juga telah diperketatkan

Jika anda didapati membawa keluar tumbuhan atau barangan yang tidak mematuhi keperluan negara destinasi eksport, atau jika didapati ada tindakan penipuan semasa pemeriksaan, anda boleh dihukum penjara sehingga tidak lebih tiga tahun atau denda tidak lebih 3 juta yen. Dalam kes syarikat, denda tidak lebih 50 juta yen boleh dikenakan.

**MAFF**

Kementerian Pertanian,  
Perhutanan dan Perikanan Jepun  
Stesen Perlindungan Tumbuhan



マレーシア語版 202304

Lihat sini untuk butiran lanjut.

# Barangan itu, mungkin tidak boleh di bawa keluar.

Tips: Membawa keluar tumbuhan dll.



**Pemeriksaan eksport perlu dilakukan jika membawa keluar tumbuhan atau barangan dari Jepun bergantung kepada negara destinasi.**

Bergantung kepada syarat-syarat negara destinasi, ia mungkin tidak boleh dibawa keluar. Mari pastikan terlebih dahulu jika terdapat sebarang barangan yang tidak boleh dibawa keluar dalam begasi anda.

**MAFF**

Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun  
Stesen Perlindungan Tumbuhan

# Aliran Pengambilan Keluar Tumbuhan / Barangan\*

\*Barangan yang memerlukan kuarantin tumbuhan di negara destinasi (produk diproses daripada tumbuhan seperti tepung / kopi, dan peralatan ladang dengan risiko tinggi tanah melekat dll.).

Berikut adalah syarat dan prosedur untuk mengambil ke luar tumbuhan atau barangan ke luar negara. Ikut peraturan kuarantin dan bawa bagasi ke destinasi anda. Sila datang dengan masa yang mencukupi kerana pemeriksaan mungkin mengambil masa.

## MULA!

Merancang membawa keluar tumbuhan atau barangan ke destinasi?

Ya

Tidak



### ! Pengesahan

Selepas semak syarat kuarantin destinasi di pautan kod QR, adakah tumbuhan atau barangan yang saya ada ...



Maklumat carian ringkas untuk pelancong  
Pilih kawasan dari senarai, semak jika boleh bawa keluar atau tidak?



Perlu pemeriksaan eksport

Tidak perlu pemeriksaan eksport

Eksport dilarang

### Cari lokasi pemeriksaan



Senarai Lokasi Stesen Perlindungan Tumbuhan  
Periksa terlebih dahulu di stesen perlindungan berhampiran!



Lokasi Kaunter Kuarantin Eksport  
Semak peta lokasi di dalam lapangan terbang!

## 1. Permohonan



Isi **Borang Permohonan Pemeriksaan Eksport**



## 2. Pemeriksaan

Keputusan Pemeriksaan Eksport

Lulus!

Gagal



## 3. Pengeluaran

Terima **Sijil Kuarantin Tumbuhan**



Terus ke prosedur daftar masuk

## TAMAT!

Terima Kasih!  
Selamat Jalan & Berhati-hati!

## DILARANG!

Tidak boleh dibawa ke negara destinasi

